

13 MAR 1996

Landasan

KERAJAAN S'WAK PANJANGKAN LANDASAN LAPANGAN TERBANG MULU

KUALA LUMPUR, 13 Mac (Bernama) -- Kabinet telah memberikan persetujuan kepada kerajaan negeri Sarawak untuk menurap semula dan memanjangkan landasan lapangan terbang Mulu dengan peruntukan RM15 juta yang diluluskan Perbendaharaan baru-baru ini.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini berkata kerajaan negeri telah diberikan tanggungjawab sepenuhnya untuk melaksanakan kerja-kerja itu.

Landasan itu akan dipanjangkan sejauh 350 meter dan apabila siap kelak, ia akan berukuran 1,200 meter dan mampu menampung pesawat 50 tempat duduk, katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini.

Beliau berkata pemanjangan landasan itu adalah perlu sebagai usaha untuk menggalakkan pelancongan di sana.

Katanya syarikat penerbangan terus seperti Seaga Air, yang menggunakan pesawat 50 tempat duduk, boleh memasukkan Mulu dalam jadual penerbangannya antara Labuan dan Layang-layang.

Pada masa ini, lapangan terbang itu hanya boleh menampung pesawat 19 tempat duduk.

Ling juga berkata Mulu akan dapat menampung lebih banyak pelancong apabila sebuah hotel yang mempunyai 1,000 bilik yang sedang dibina siap November ini.

Menurutnya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memberikan kebenaran untuk memanjangkan landasan itu pada Mei tahun lepas berikutan permohonan daripada kerajaan negeri Sarawak. -- BERNAMA

ARA AKD